

Tiada hasrat tangguh pemberian dos penggalak - Timbalan Menteri Kesihatan

Abd Razak Mohd Ali
Januari 22, 2022 16:10 MYT



Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, sehingga kini belum ada kes kematian direkodkan disebabkan vaksin. - Gambar fail/BERNAMA

BAGAN SERAI: Kerajaan tidak berhasrat untuk menangguhkan pemberian suntikan dos penggalak vaksin COVID-19 kepada rakyat seperti yang disarankan Mufti Perlis, Datuk Mohd Asri Zainul Abidin.

Sebaliknya, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan meneruskan dan mempergiat lagi program vaksinasi untuk keselamatan rakyat.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, sehingga kini belum ada kes kematian direkodkan disebabkan vaksin.

"Pengambilan booster ni adalah sangat-sangat penting untuk meningkatkan daya tahan badan meningkatkan pertahanan badan dan juga memanjangkan lagi imuniti terhadap penyakit yang masih lagi sedang berleluas sekarang ini.

"Jadi, cadangan Mufti Perlis supaya ditangguhkan tak perlu lah, tak perlu, tak perlu... semalam dah 44.4 peratus, 10.4 juta orang telah disuntik dan kita menjangkakan mencapai 60 peratus rakyat Malaysia diberi booster pada hujung bulan ini," katanya ketika ditemui selepas hadir pada program Jualan Keluarga Malaysia di tapak pasar tani, Pusat Bandar, Bagan Serai, pada Sabtu.

Menurutnya, berita orang sakit dan meninggal dunia selepas mengambil vaksin yang diviralkan memang benar, namun bedah siasat mendapati ia disebabkan penyakit lain yang dialami.

Justeru, beliau menasihatkan orang ramai agar tidak mudah terpengaruh dan KKM akan terus memperhebatkan program vaksinasi supaya rakyat mendapat data yang benar, sahih dan mengikut sains.

Pada Rabu, Mohd Asri menyarankan agar KKM menangguhkan pemberian dos penggalak atau dos ketiga vaksin COVID-19 kerana dibimbangi mempunyai kesan yang serius terhadap kesihatan.

Menurutnya, penangguhan berkenaan perlu mengambil kira satu kenyataan yang jelas terhadap siapa atau golongan mana yang sebenarnya tidak wajar mengambil dos berkenaan.